

UMS IPT pertama akan miliki padang rumput tiruan

UB 22.5.2014 A14

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama negara ini memiliki padang bola sepak menggunakan rumput tiruan.

Tabung Dana Rumput Tiruan bagi membiayai pembinaan padang rumput tiruan yang melibatkan kos RM2.5 juta itu telah dilancarkan semasa Majlis Anugerah Sukan UMS 2013/2014 di 1Borneo di sini dua hari lalu.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, setakat ini RM1.5 juta telah dikumpul termasuk RM500,000 daripada YTL dan RM20,000 daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Sabah.

Turut diterima semasa pelancaran tabung itu adalah daripada Evergreen Nursery sebanyak RM20,000, Jeselton Potential Sdn Bhd RM15,000, Carino RM10,000, Juara Axis RM5,000 dan Atikah Enterprise Kinabalu Sdn Bhd RM5,000.

"Pembinaan padang rumput tiruan bertaraf antarabangsa ini menunjukkan UMS dan Sabah amnya mampu bersaing dengan negara-negara maju dan mampu untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa," kata Harun.

Beliau berkata, pembinaan padang rumput tiruan itu adalah antara usaha UMS memberi perhatian dan galakan berterusan kepada aktiviti-aktiviti pelajar.

Katanya, UMS juga telah menaik taraf infrastruktur sedia ada seperti pembinaan gelanggang beratap, gelanggang bola keranjang, bola jaring, bola tampar pantai dan petanque.

Sambil itu, Menteri Belia Dan Sukan Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan semasa merasmikan Majlis Anugerah Sukan UMS itu mencadangkan agar UMS berkerjasama dengan kementeriannya memajukan sukan negeri ini.

Katanya, kepakaran dan kemudahan sukan yang dimiliki UMS sewajarnya

dimanfaatkan sepenuhnya untuk memajukan sukan negeri ini.

"Pada masa ini KBS Sabah dengan kerjasama UMS sedang melaksanakan 'blue print' pembangunan sukan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang," katanya.

Tawfiq turut menyatakan rasa kagum dengan inisiatif UMS merealisasikan rancangan pembinaan padang rumput tiruan.

Menurutnya, kerajaan juga menyedari akan pentingnya mempunyai padang rumput tiruan sebagai antara kemudahan asas penting dalam pembangunan bola sepak.

Sehubungan dengan itu katanya, kerajaan juga kini dalam fasapembinaan padang rumput tiruan pertamanya di Kompleks Sukan Sandakan yang dijangka siap pada September atau Oktober tahun ini.

Katanya, padang rumput tiruan kedua juga dijangka akan muladibinadi Kompleks Sukan Kota Kinabalu dalam tahun ini.



HARUN (kanan) menerima sumbangan RM20,000 daripada Evergreen Nursery untuk Tabung Dana Padang Rumput Tiruan UMS sambil disaksikan Tawfiq (dua dari kanan).